



جباين كاكيم شرعية فقه

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
Kompleks Syariah Al-Sultan Abdullah
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09-531 8666
Faks : 09-531 8747 / 8737
Web : <http://jksp.pahang.gov.my/>
E-mail : jksp@esyariah.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : JKSP 600-1/3/1 (108)
Tarikh : 18 Disember 2024

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Pendaftar,

**ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PAHANG
BIL. 17 TAHUN 2024**

**PINDAAN GARIS PANDUAN NAFKAH ANAK SEMENTARA
DALAM TUNTUTAN PERCERAIAN**

Saya ingin menarik perhatian YA Dato' / YA Tuan/ Tuan/ Puan kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil. 2 Tahun 2024 pada 15hb hingga 17hb Oktober 2024 bersamaan 11 Rabiulakhir 1446H hingga 13 Rabiulakhir 1446H di Cherengin Hills Convention & Spa Resort Janda Baik, Bentong yang bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan berhubung pindaan garis panduan perintah nafkah anak sementara dalam tuntutan perceraian sebagaimana Lampiran A.

Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil. 1 Tahun 2022 adalah dibatalkan.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 2 Disember 2024.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Syariah Asas Keadilan”**

(

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN, DIMP., DSPN, SAP, PJK.)
Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang.

“SYARIAH ASAS KEADILAN”



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008 CERT. NO. AR5404

GARIS PANDUAN PERINTAH NAFKAH ANAK SEMENTARA DALAM TUNTUTAN PERCERAIAN

1. OBJEKTIF

Objektif Garis Panduan ini adalah untuk:

- 1.1 memberi keutamaan kebajikan nafkah bagi kanak-kanak dalam tempoh perintah nafkah belum dituntut /diperolehi.
- 1.2 memberi panduan kepada pihak Mahkamah dalam menentukan kadar nafkah kanak-kanak semasa dalam memutuskan perintah perceraian.

2. TAFSIRAN

Takrifan dalam seksyen ini terpakai dalam garis panduan ini.

"Enakmen" ertinya Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005.

"Kanak-kanak" ertinya merujuk kepada Seksyen 89(4) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005.

"Penjaga" ertinya ibu bapa / penjaga (anak tidak sah taraf/ anak angkat yang berada dibawah jagaan penjaga).

"Pihak-Pihak" ertinya Plaintiff dan Defendan.

3. KUASA MAHKAMAH

Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila:

- 3.1 membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian.
- 3.2 memerintahkan apa-apa bentuk pembubaran perkahwinan.
- 3.3 dalam masa menanti keputusan sesuatu prosiding hal ehwal suami isteri.

4. PUNCA KUASA

Sumber / punca kuasa bagi garis panduan ini diwujudkan berdasarkan Seksyen 74 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005 dibaca bersama dengan Seksyen 244 dan Seksyen 245 (2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002.

5. SKALA KADAR NAFKAH ASAS

Pada menetapkan kadar nafkah bagi kanak-kanak, Mahkamah boleh memerintahkan seorang lelaki membayar nafkah untuk faedah mana-mana anaknya di dalam Jadual.

BILANGAN ANAK	KADAR
1-2 orang	RM300.00 seorang
3 orang dan ke atas	RM250.00 seorang
<i>Atau</i>	
Mahkamah boleh memerintahkan seorang lelaki membayar nafkah untuk faedah mana-mana anaknya mengikut kadar-kadar yang ditetapkan oleh Hakim.	

6. KAEDAH PEMBAYARAN

Kaedah pembayaran nafkah bolehlah mengikut cara yang sesuai dengan pihak-pihak dan menyatakan tempoh masa pembayaran nafkah tersebut.

7. PEMAKAIAN

Pekeliling tersebut terpakai dalam semua keadaan kes termasuk perbicaraan sebelah pihak, suami/bapa ghaib/hilang dan suami/bapa yang menjalani hukuman pemenjaraan.

8. TEMPOH KUATKUASA PERINTAH

8.1 Perintah nafkah anak sementara tersebut hendaklah berkuatkuasa selama tempoh tidak melebihi 180 hari dari tarikh penghakiman melainkan jika ianya dibatalkan terlebih dahulu oleh Mahkamah sebelum cukup tempoh berkuatkuasa perintah dan pihak-pihak hendaklah memfailkan tuntutan nafkah anak bagi mendapatkan perintah kekal.

8.2 Perintah nafkah anak sementara yang telah diputuskan tidak boleh dirayu.

9. KANDUNGAN PERINTAH

Selain daripada terma perintah yang dipohon, perintah berhubung nafkah sementara anak dalam tuntutan perceraian ini hendaklah juga mengandungi terma berikut:

- (a) Perintah nafkah anak sementara hendaklah berkuatkuasa selama tempoh tidak melebihi 180 hari dari tarikh penghakiman ini melainkan ada perintah lain yang membatalkannya.

9. PENGECUALIAN

Pelaksanaan Perintah ini dikecualikan dalam keadaan yang berikut:

- 9.1 terdapat bentuk persetujuan lain antara pihak-pihak tentang jumlah dan cara pembayaran nafkah.
- 9.2 seseorang lelaki diiktiraf oleh undang-undang sebagai Orang Tak Berkeupayaan dan / atau muflis.
- 9.3 bagi mana-mana anak yang telah melampaui lamanya tempoh perintah bagi nafkah anak sebagaimana peruntukan seksyen 80 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005.
- 9.4 bagi Anggota Tentera yang tertakluk di bawah Akta Angkatan Tentera 1972 / Kaedah- Kaedah / peraturan-peraturan dan / atau apa-apa statut dan undang-undang yang dikuatkuasakan ke atas seorang anggota Angkatan Tentera Diraja Malaysia (ATM).